

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN EMEL

Perenggan 11.6.2 Garis Panduan Penggunaan ICT UiTM –
Pengguna Sistem telah menggariskan bahawa :

Larangan Penyalahgunaan Emel

1. Staf UiTM adalah dilarang menggunakan kemudahan emel UiTM bagi tujuan menyediakan, menyebarkan, menyimpan, memuatnaik (*upload*) atau memuat turun (*download*) sebarang emel, teks, imej, dokumen atau kepilangan (*attachment*) yang mengandungi :
 - a. Unsur hiburan, lagu, audio, video atau permainan elektronik
 - b. Unsur komersial, iklan peribadi atau *spamming*
 - c. Unsur lucu, seksual atau gangguan seksual
 - d. Unsur politik, hasutan, fitnah atau penentangan
 - e. Unsur perjudian, pelanggaran undang-undang, jenayah berat atau aktiviti penganas
 - f. Perisian tanpa lesen
 - g. Sebarang unsur lain yang boleh menjatuhkan nama baik UiTM.
2. Sebarang emel, teks, imej, dokumen atau kepilangan (*attachment*) yang dihantar atau diterima menggunakan kemudahan emel UiTM, boleh dijadikan sebagai bahan bukti sekiranya berlaku sebarang penyalahgunaan atau pelanggaran polisi oleh staf UiTM.
3. UiTM berhak membuka mana-mana emel staf UiTM sekiranya berlaku sebarang penyalahgunaan kemudahan emel UiTM atau pelanggaran polisi oleh staf berkenaan.
4. Staf UiTM yang dibuktikan menyalahguna kemudahan emel UiTM akan diberi amaran dan boleh ditamatkan kemudahan berkenaan.